

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.08.01/10.12/31 (33)

22 September 2024
18 Rabiul Awal 1446H

PEKELILING AKADEMIK BIL. 7/2024

PEMAKAIAN PELAKSANAAN PENILAIAN PERINGKAT PERTAMA BAGI PELAJAR SARJANA FALSAFAH DAN DOKTOR FALSAFAH UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Dengan segala hormatnya dimaklumkan bahawa Mesyuarat Senat Universiti Bil. 10/2023/2024 bertarikh 31 Julai 2024 telah meluluskan pelaksanaan Penilaian Peringkat Pertama bagi pelajar Sarjana Falsafah dan Doktor Falsafah.

2. Inisiatif ini dilaksanakan bagi menambahbaik pengurusan berkaitan Penilaian Peringkat Pertama bagi pelajar Sarjana Falsafah dan Doktor Falsafah dan membantu meningkatkan bilangan *Graduate on Time* (GOT) dalam kalangan pelajar Sarjana Falsafah dan Doktor Falsafah. Penambahbaikan pada pelaksanaan Penilaian Peringkat Pertama bagi pelajar Sarjana Falsafah dan Doktor Falsafah merangkumi perkara-perkara seperti berikut:

2.1 Syarat Kelayakan

- i. Pelajar telah menyelesaikan/sedang menduduki/mendapat kelulusan pindah kredit Kursus Kaedah Penyelidikan dan Kursus Umum Universiti semasa Penilaian Peringkat Pertama;
- ii. Pelajar Sarjana Falsafah dan Doktor Falsafah dibenarkan untuk menghantar laporan cadangan penyelidikan untuk Penilaian Peringkat Pertama seawal semester pertama.

2.2 Prosedur Pelaksanaan

- i. Pelajar mesti menghantar Notis Hantar Proposal melalui sistem GSMS/MyAims sekurang-kurangnya sebulan sebelum Penilaian Peringkat Pertama;
- ii. Penyelia perlulah mencalonkan sama ada dua (2) Pemeriksa (staf akademik yang aktif dalam penyelidikan) atau tiga (3) Pemeriksa (jika pelajar merupakan staf UTM) melalui sistem GSMS/MyAims dan tertakluk kepada syarat pencalonan Panel Pemeriksa.

2.3 Format Laporan Cadangan Penyelidikan

- i. Cadangan penyelidikan perlu disediakan dalam format salinan lembut kecuali atas permintaan Pemeriksa;
- ii. Laporan cadangan penyelidikan mestilah mematuhi panduan dan mengikut format tesis UTM yang terkini;
- iii. Laporan cadangan penyelidikan dicadangkan diantara 50 hingga 100 muka surat dan perlulah mempunyai indeks kesamaan Turnitin (atau perisian lain yang disarankan oleh universiti) kurang daripada 20%.

- iv. Laporan cadangan penyelidikan harus merangkumi perbincangan dalam Bab 1 (Pengenalan), Bab 2 (Kajian Literatur), dan Bab 3 (Metodologi) tesis, dan secara amnya harus merangkumi (tetapi tidak terhad kepada) perbincangan berikut:
- (a) Abstrak;
 - (b) Latar Belakang Masalah;
 - (c) Pernyataan Masalah;
 - (d) Objektif Kajian;
 - (e) Persoalan Kajian;
 - (f) Kerangka Konsep/Kerangka Teori;
 - (g) Kepentingan Kajian;
 - (h) Definisi Operasi;
 - (i) Sorotan Kajian;
 - (j) Kaedah Kajian;
 - (k) Skop dan Batasan Kajian;
 - (l) Jangkaan Dapatan Kajian; dan
 - (m) Rujukan.
- v. Garis Panduan Penilaian Peringkat Pertama dibangunkan (rujuk Lampiran 1) bagi memaklumkan pelajar tentang kelayakan Penilaian Peringkat Pertama, format laporan dan panduan pembentangan cadangan penyelidikan bagi membuat persediaan dengan berkesan dan memenuhi jangkaan akademik.

2.4 Keputusan Penilaian Peringkat Pertama

- i. Terdapat lima (5) keputusan yang digunapakai dalam penilaian laporan Penilaian Peringkat Pertama buat masa ini seperti berikut:
- P1) Cadangan penyelidikan diterima;
 - P2) Cadangan penyelidikan diterima dengan pembetulan. Pembetulan perlu disahkan oleh Penyelia dalam tempoh satu (1) bulan;
 - P3) Cadangan penyelidikan diterima dengan pembetulan. Pembetulan tanpa pembentangan dan perlu disahkan oleh Pemeriksa dalam tempoh satu (1) hingga tiga (3) bulan;
 - P4) Cadangan penyelidikan diterima dengan pembetulan. Pembetulan perlu disahkan oleh Pemeriksa dalam tempoh tiga (3) hingga enam (6) bulan dan pembentangan semula pada semester berikutnya;
 - P5) Cadangan penyelidikan ditolak. Pelajar perlu mengemukakan dan membentangkan cadangan penyelidikan baharu.

- ii. Pelajar berstatus aktif dan gagal menghantar cadangan penyelidikan pada semester maksimum diberikan Keputusan Tidak Memuaskan (TM) untuk semester tersebut. Berdasarkan Perkara 14(d)(ii) Peraturan Akademik Pengajian Siswazah, Penilaian Cadangan Penyelidikan/Penilaian Peringkat Pertama hendaklah dikendalikan selewat-lewatnya seperti berikut:
 - a) Program Sarjana (semester kedua pengajian);
 - b) Program Doktor Falsafah (semester ketiga pengajian).
- iii. Pelajar Sarjana Falsafah yang masih tidak menghantar laporan cadangan penyelidikan untuk Penilaian Peringkat Pertama pada semester ketiga yang aktif akan mendapat Keputusan Gagal (KG) disebabkan oleh Keputusan Tidak Memuaskan (TM) dalam dua semester berturut-turut;
- iv. Pelajar Doktor Falsafah yang masih tidak menghantar laporan cadangan penyelidikan untuk Penilaian Peringkat Pertama pada semester keempat yang aktif akan mendapat Keputusan Gagal (KG) disebabkan oleh Keputusan Tidak Memuaskan (TM) dalam dua semester berturut-turut;
- v. Walau bagaimanapun, Fakulti dibenarkan untuk membuat keputusan lain dengan sebab-sebab munasabah yang boleh dipertimbangkan dan diterima oleh Fakulti untuk diberikan peluang pembentangan pada semester berikutnya;
- vi. Sekiranya pelajar Doktor Falsafah mendapat Gred P5 (cadangan penyelidikan ditolak dan perlu mengemukakan dan membentangkan cadangan penyelidikan baharu) sebanyak dua kali berturut-turut dalam Penilaian Peringkat Pertama, Fakulti perlu menasihatkan pelajar untuk menarik diri dari pengajian;
- vii. Sekiranya, pelajar tidak berbuat demikian (perkara 2.4(vi)) dalam tempoh satu (1) bulan daripada tarikh Penilaian Peringkat Pertama, pelajar dikira gagal pengajian kecuali dengan sebab-sebab munasabah yang boleh dipertimbangkan dan diterima oleh Fakulti untuk diberikan peluang pembentangan sekali lagi.

3. Penambahbaikan ini membawa kepada pindaan dan tambahan kepada perkara 14(1(d)) dalam Peraturan Akademik Pengajian Siswazah 2020, seksyen 2.3.2.1 dalam Prosedur Penyelidikan Pascasiswazah (ProPS 06) 2022 dan borang Laporan Penilaian Peringkat Pertama oleh Pemeriksa (SPS/04/2023/Pind.1/2023).

4. Bersama-sama ini dilampirkan dokumen penuh bagi Garis Panduan Penilaian Peringkat Pertama sebagai rujukan. Pemakaian pelaksanaan Penilaian Peringkat Pertama dan garis panduan ini adalah bermula dengan pelajar Sarjana Falsafah dan Doktor Falsafah kemasukan Semester 1, Sesi 2024/2025.

Sekian, harap maklum.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA KERANA ALLAH”

Saya yang menjalankan amanah,



(PROF. DR. MOHD SHAFRY BIN MOHD RAHIM)
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
Universiti Teknologi Malaysia

- s.k - Naib Canselor
- Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)
- Timbalan Naib Canselor (Kademik & Antarabangsa)
- Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
- Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
- Pro-Naib Canselor (Kampus UTM Kuala Lumpur)
- Pendaftar
- Bendahari

- Dekan
 - Fakulti Alam Bina dan Ukur (FABU)
 - Fakulti Pengurusan (FM)
 - Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE)
 - Fakulti Kejuruteraan Awam (FKA)
 - Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM)
 - Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Kejuruteraan Tenaga (FKT)
 - Fakulti Komputeran (FC)
 - Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK)
 - Fakulti Sains (FS)
 - Fakulti Kecerdasan Buatan (FAI)
 - Sekolah Perniagaan Antarabangsa Azman Hashim (AHIBS)
 - Malaysia-Japan International Institute of Technology (MJIIT)*
 - Sekolah Pendidikan Profesional dan Pendidikan Berterusan (SPACE)

- Pengerusi
 - Sekolah Pengajian Siswazah (SPS)
 - Sekolah Pengajian Prasiswazah (UGS)
 - Sekolah Pendidikan (SP)
 - Sekolah Pembangunan Sumber Manusia dan Psikologi (SPSMP)
 - Akademi Tamadun Islam (ATI)
 - Akademi Bahasa (AB)

- Pengarah
 - Pusat Pemajuan Pembelajaran Digital dan Fleksibel (UTMCDex)
 - Jabatan Perkhidmatan Digital (UTMDigital)

- Timbalan Pendaftar
 - Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) UTMJB

- Timbalan Pendaftar Kanan
 - Bahagian Pengurusan Akademik (BPA), Jabatan Pendaftar, UTM JB

- Timbalan Pendaftar
 - Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) UTMKL

GARIS PANDUAN PENILAIAN PERINGKAT PERTAMA

1) Tujuan Garis Panduan Penilaian Peringkat Pertama

Tujuan Garis Panduan Penilaian Peringkat Pertama adalah untuk menjelaskan tujuan Penilaian Peringkat Pertama, kelayakan untuk membentangkan cadangan penyelidikan, serta format dokumen dan pembentangan;

2) Syarat Kelayakan Penilaian Peringkat Pertama

- a) Pelajar telah menyelesaikan/sedang menduduki/mendapat kelulusan pindah kredit Kursus Kaedah Penyelidikan dan Kursus Umum Universiti semasa Penilaian Peringkat Pertama;
- b) Penyelia perlulah mencalonkan sama ada dua (2) Pemeriksa (staf akademik yang aktif dalam penyelidikan) atau tiga (3) Pemeriksa (jika pelajar merupakan staf UTM) melalui sistem GSMS/MyAims;
- c) Pelajar Sarjana Falsafah dan Doktor Falsafah dibenarkan untuk menghantar laporan cadangan penyelidikan untuk Penilaian Peringkat Pertama seawal semester pertama;

3) Format Laporan Cadangan Penyelidikan

- a) Cadangan penyelidikan perlu disediakan dalam format salinan lembut kecuali atas permintaan Pemeriksa;
- b) Laporan cadangan penyelidikan mestilah mematuhi panduan dan mengikut format tesis UTM yang terkini;
- c) Laporan cadangan penyelidikan dicadangkan diantara 50 hingga 100 muka surat dan perlulah mempunyai indeks kesamaan Turnitin (atau perisian lain yang disarankan oleh universiti) kurang daripada 20%.
- d) Laporan cadangan penyelidikan harus merangkumi perbincangan dalam Bab 1 (Pengenalan), Bab 2 (Kajian Literatur), dan Bab 3 (Metodologi) tesis, dan secara amnya harus merangkumi (tetapi tidak terhad kepada) perbincangan berikut:
 - i. Abstrak;
 - ii. Latar Belakang Masalah;
 - iii. Pernyataan Masalah;
 - iv. Objektif Kajian;
 - v. Persoalan Kajian;
 - vi. Kerangka Konsep/Kerangka Teori;
 - vii. Kepentingan Kajian;
 - viii. Definisi Operasi;
 - ix. Sorotan Kajian;
 - x. Kaedah Kajian;
 - xi. Skop dan Batasan Kajian;
 - xii. Jangkaan Dapatan Kajian; dan
 - xiii. Rujukan.

4) Pembentangan Cadangan Penyelidikan

Pembentangan cadangan penyelidikan melibatkan gambaran ringkas selama 20 minit tentang penyelidikan. Pelajar perlu mematuhi had masa dengan merangkum aspek penting penyelidikan.

5) Keputusan Penilaian Peringkat Pertama

Keputusan Penilaian Peringkat Pertama adalah seperti berikut:

Keputusan	Penerangan
P1	Cadangan penyelidikan diterima.
P2	Cadangan penyelidikan diterima dengan pembedulan. Pembedulan perlu disahkan oleh Penyelia dalam tempoh satu (1) bulan.
P3	Cadangan penyelidikan diterima dengan pembedulan. Pembedulan tanpa pembentangan dan perlu disahkan oleh pemeriksa dalam tempoh satu (1) hingga tiga (3) bulan.
P4	Cadangan penyelidikan diterima dengan pembedulan. Pembedulan perlu disahkan oleh pemeriksa dalam tempoh tiga (3) hingga enam (6) bulan dan pembentangan semula pada semester berikutnya.
P5	Cadangan penyelidikan ditolak. Pelajar perlu mengemukakan dan membentangkan cadangan penyelidikan baharu.

6) Peraturan Akademik berkaitan dengan Penghantaran dan Pembentangan Penilaian Peringkat Pertama

- a) Pelajar Sarjana Falsafah yang masih tidak menghantar laporan cadangan penyelidikan untuk Penilaian Peringkat Pertama pada semester ketiga yang aktif akan mendapat Keputusan Gagal (KG) disebabkan oleh Keputusan Tidak Memuaskan (TM) dalam dua semester berturut-turut;
- b) Pelajar Doktor Falsafah yang masih tidak menghantar laporan cadangan penyelidikan untuk Penilaian Peringkat Pertama pada semester keempat yang aktif akan mendapat Keputusan Gagal (KG) disebabkan oleh Keputusan Tidak Memuaskan (TM) dalam dua semester berturut-turut;
- c) Pelajar Doktor Falsafah yang mendapat Gred P5 (cadangan penyelidikan ditolak dan perlu mengemukakan dan membentangkan cadangan penyelidikan baharu) sebanyak dua kali berturut-turut dalam Penilaian Peringkat Pertama akan dinasihatkan oleh fakulti untuk menarik diri dari pengajian;
- d) Sekiranya pelajar tidak berbuat demikian dalam tempoh satu (1) bulan daripada tarikh Penilaian Peringkat Pertama, pelajar dikira gagal pengajian kecuali dengan sebab-sebab munasabah yang boleh dipertimbangkan dan diterima oleh Fakulti untuk diberikan peluang pembentangan sekali lagi;